

MAHATHIR

36

1980
SEREMBAN, 27 APRIL. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGGESA SETIAP AHLI UMNO MEMPERTA ANKAN DEMOKRASI YANG DIAMALKAN SEKARANG JIKA INGIN PARTI TERUS MEMEGANG TERAJU PEMERINTAHAN NEGARA PADA MASA HADAPAN.

TEGAS TIMBALAN PERDANA MENTERI, PERJUANGAN UMNO SEJAK DITUBUHKAN ADALAH UNTUK MENEGAKKAN DEMOKRASI DAN TELAH PUN MENCAPAI KEJAYAAN SECARA BERKESAN.

KATANYA, WALAU PUN BEBERAPA PERISTIWA TELAH DILALUI SEPERTI 13 MEI TAHUN 1969 DAN DARURAT NAMUN DEMOKRASI YANG DIAMALKAN OLEH PARTI PEMERINTAH DIMANA UMNO MERUPAKAN TERASNYA TETAP BERSIH DAN DITERIMA OLEH RAKYAT SEHINGGA SEKARANG.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN MANTIN DI DEWAN BANDARAN DI SINI PAGI INI. DATIN SERI DR. SITI HASMA TURUT HADIR.

DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA TIMBALAN PRESIDEN UMNO MENGINGATKAN PENTINGNYA UMNO SENDIRI MEMPERTAHAN DEMOKRASI DALAM PARTI KERANA DEMOKRASI YANG SAMA AKAN DIBAWA KE DALAM KERAJAAN YANG MEMERINTAH UNTUK MENJAMIN KESEJAHTERAAN RAKYAT YANG DIPIMPIN. 5

TANPA DEMOKRASI, KATANYA, SESEORANG PEMIMPIN AKAN BERSIKAP DIKTATOR, ANGKUH, SOMBONG DAN LUPA TANGGUNGJAWABNYA KEPADA RAKYAT YANG AKHIRNYA ORANG YANG DIPIMPIN ITU BERTINDAK UNTUK MENYINGKIR MEREKA KADANG KALA SECARA KEKERASAN SEPERTI YANG PERLAKU DI BEBERAPA NEGARA DI DUNIA INI. -- BERSAMBUNG 1458/YF

MAHATHIR 2 SEREMBAN

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN, BAHAWA DEMOKRASI YANG DIAMALKAN DI NEGARA INI TIDAK PERNAH MENGHALANG PARTI-PARTI PEMBANGKANG DARI WUJUD DAN DARI DIPILIH OLEH RAKYAT.

KATANYA DI BEBERAPA BUAH NEGARA YANG KONONNYA DEMOKRATIK BILA DIADAKAN SESUATU PILIHANRAYA HANYA PARTI KERAJAAN SAHAJA YANG MENAN

SEHINGGA 99.9 PERATUS TETAPI DI NEGARA INI RAKYAT BERHAK MEMILIH PARTI MANA YANG MEREKA SUKA.

BAGAIMANAPUN RAKYAT DIINGATKAN BAHAWA PEMBANGKANG YANG ADA DI

NEGARA INI MENGAMALKAN SIKAP FAUDAL DAN DIKTATOR DAN JIKA SEKIRANYA MEREKA BERJAYA BERKUASA BELIAU YAKIN DEMOKRASI AKAN HANCHUR.

BELIAU JUGA MENINGATKAN RAKYAT MENGENAI TINDAKAN TANDUK GOLONGAN TERTENTU YANG BIJAK DAN PINTAR BERCAKAP MENGGUNAKAN DEMOKRASI UNTUK KEPENTINGAN DIRI SENDIRI.

TETAPI, BELIAU YAKIN, BILA MEREKA TELAH BERKUASA MEREKA AKAN MENAMATKAN DEMOKRASI UNTUK MENGEKALKAN KEDUDUKAN SENDIRI.

INI ADALAH KERANA SISTEM DEMOKRASI POLEH MEMILIH DAN MENYINGKIR MANA-MANA PEMIMPIN YANG BERSIKAP DIKTATOR DAN TIDAK JUJUR YANG MERUPAKAN PERMAINAN PEMIMPIN PEMBANGKANG SEKARANG, UJARNYA. —

BERSAMBUNG 1503/YF

MAHATHIR 3 SEREMBAN

PILIHANRAYA KECIL BUKIT RAYA DI KEDAH PERU-PARU INI DENGAN TEGAS MENUNJUKKAN DEMOKRASI BERSIH YANG DIAMALKAN OLEH KERAJAAN DI MANA WALAUPUN PARTI PEMBANGKANG BEBAS MENODAI RAKYAT DENGAN HUKUM MEREKA TELAH TIDAK DIPILIH OLEH RAKYAT DI SITU.

+JIKA RAKYAT MENGHARGAI KEKEPASAN, KEAMINAN, KEDAMAIAN, KEMAJUAN DAN KEPAHAGIAAN MEREKA PERLU LAH MEMPERTAHANKAN SISTEM DEMOKRASI YANG DIDUKUNG OLEH PARTI PAMERINTAH SEKARANG, + KATA DATUK SRI DR. MAHATHIR.

BELIAU KEMUDIAN MENINGATKAN PARA PEMIMPIN UMNO JANGAN CUBA BERSIKAP FEUDAL ATAU DIKTATOR, YANG MEMANG TIDAK SESUAI DENGAN PERJUANGAN UMNO SENDIRI, JIKA TIDAK INGIN DIBENCI OLEH AHLI DAN AKHIRNYA DIGULINGKAN.

SEBELUM ITU MENTERI BESAR, DATUK RAIS YATIM, YANG JUGA KETUA PERHUBUNGAN UMNO NEGERI MENEGASKAN PERBUATAN TIDAK SIHA TIDAK TERDAPA DI NEGERI INI SEBAB ITU PERJUANGAN UMNO DI SINI ADALAH LICIN DAN BERKESAN.

KATANYA UMNO PERHUBUNGAN NEGERI TIDAK MERESTUI MANA-MANA PEMIMPIN YANG MENGAMALKAN AKTIVITI DI LUAR KEHENDAK PARTI DAN ASPIRASI AHLI-AHLINYA SERTA RAKYAT.

MENGENAI KOPERASI BERSATU, BELIAU MEMBERITAHU, PERTURUHAN ITU BERSAMA CELAPAK SENDIRIAN BERHAD SEBUAH ANAK SYARIKAT UMNO NEGERI INI AKAN MELANCARKAN PROJEK PERUMAHAN DI KAWASAN SELUAS 50 EKAR DI SENAWANG, DEKAT SINI TIDAK LAMA LAGI.

KETUA UMNO BAHAGIAN MANTIN, ENCIK SHARADAN HAJI HASHIM DAN TIMBALANNYA DATUK ABDUL RAZAK YUSOFF TELAH MENANG TANPA BERTANDING BAGI PENGGAL 1980/81. — BERNAMA 1513/YF